



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **satu (1)** kes positif COVID-19 dilaporkan di Daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak setakat hari ini sebanyak **584** kes.

Kes **ke-584** ini merupakan seorang lelaki bukan warganegara yang bekerja sebagai nelayan di sebuah syarikat kapal perikanan di Kuching. Kes telah menjalani pemeriksaan kesihatan pekerja dan juga saringan swab rT-PCR untuk COVID-19 di sebuah Hospital Swasta di Kuching pada 15 Julai 2020 dan keputusan ujian makmal mendapati swab *nasopharyngeal* dan *oropharyngeal* kes adalah positif untuk COVID-19 pada hari yang sama. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

Kes ini adalah jangkitan tempatan kerana kes tidak mempunyai sejarah perjalanan melawat atau balik ke luar negara. Kes kali terakhir balik ke negara asal pada tahun 2016. Pengesanan kontak rapat yang melibatkan rakan-rakan tempat kerja kes juga masih dilakukan.

Dimaklumkan juga **tiada** kes baru yang telah sembuh dan discaj dari hospital hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah sembuh dan discaj kekal sebanyak **554** orang atau **94.86%**. Seramai **12 orang** masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital dan **seorang (1)** sedang diberi bantuan alat pernafasan (*intubated*) di Hospital Bintulu. Jumlah kematian kekal **18 orang atau 3.08%**.

Hari ini sebanyak **14 PUI** baru dilaporkan dan **12 kes** masih menunggu ujian makmal.

## **2. LAPORAN PENJEJAKAN KONTAK**

Memandangkan terdapat dua (2) kes positif yang terlibat sebelum ini di kawasan Mambong, maka KKM telah mengisytiharkan kluster tersebut sebagai Kluster Mambong. Sejumlah 131 kotak rapat yang telah dikesan yang melibatkan 86 rakan sekerja, 22 orang ahli keluarga dan 23 adalah kausal kontak / lain-lain. Sebanyak 68 sampel telah diambil, manakala baki 63 akan diambil dalam masa 1-2 hari.

Manakala bagi kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching, sebanyak 2 kes positif dilaporkan sebelum ini. Sejumlah 187 kontak rapat telah dikesan yang melibatkan 130 rakan sekerja, 33 orang ahli keluarga dan 24 adalah lain-lain. Kesemua 187 sampel tersebut adalah negatif.

### **3. PENJEJAKAN KONTAK SECARA RAWAK**

Berikutan terdapat kes kematian yang melibatkan warga emas baru-baru ini di Daerah Kuching, maka penjejakan kontak secara rawak telah dilakukan di beberapa lokasi yang telah dilawati oleh pesakit tersebut seperti berikut:

- a) Pada hari ini telah dilakukan sebanyak 217 penyaringan awal di kawasan Stutong Komuniti Market. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2 orang yang mempunyai gejala dan sebanyak 56 sampel telah diambil.
- b) Pada esok hari akan dijalankan saringan di kawasan Pasar Segar Green Road.
- c) Manakala kawasan berikutnya adalah Market-Market utama yang akan dilakukan dalam tempoh dua minggu akan datang.

### **4. KEMASKINI LAPORAN KES PUI DI MIRI**

Adalah dijelaskan disini berhubung dengan laporan 13 PUI semalam dan 3 PUI di Miri hari ini, sebenarnya mereka adalah pesakit *Severe Accute Respiratory Infection* (SARI) dan *Influenza Like Illness* (ILI). Sebahagian daripada protokol pemantauan tersebut, mereka ini disaring untuk menentukan sama ada mereka terdapat gejala COVID-19 atau pun tidak. Ini adalah langkah berwaspada sebagai pemantauan untuk menentukan mereka ini negatif COVID-19.

## **5. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)**

Hari ini sebanyak **1,813 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (347), Restoran (330), Kilang (14), Bank (189), Pejabat Kerajaan (117), Penjaja (17), Pasar Tani/Awam (89), Tempat Ibadah (70), Tempat Riadah (71), Tapak Pembinaan (12) dan lain-lain (557).

Seramai **637 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (328), ATM (42), RELA (125), APM (83), PBT (52), KKM (4), KPDNHEP (3).

## **6. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,380** jumlah kenderaan telah diperiksa.

## **7. KENYATAAN RASMI BERHUBUNG COVID-19 DI SARAWAK**

Adalah dimaklumkan kepada semua agensi kerajaan dan swasta yang ingin membuat kenyataan rasmi berhubung dengan COVID-19 di Sarawak, perlu merujuk terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak. Perkara ini adalah bagi mengelakkan sebarang kekeliruan serta menyebabkan suasana panik, ketakutan dan kegusaran dalam kalangan orang ramai.

## **8. NASIHAT KEPADA ORANG AWAM**

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ingin mengingatkan semua individu yang diletakkan di bawah pengawasan dan pemantauan di rumah (*home surveillance*) supaya sentiasa mengamalkan langkah-langkah berikut:

- a) Sentiasa berada di rumah sepanjang dalam tempoh pengawasan ini;
- b) Hadkan pelawat atau tetamu yang datang ke rumah anda;
- c) Rekodkan pelawat yang menziarahi anda dan kemukakan kepada pihak kesihatan sekiranya diminta;
- d) Pastikan jarak anda dengan mereka yang sihat (iaitu termasuk ahli keluarga) sekurang-kurangnya 1 meter;
- e) Sekiranya anda bergejala, sentiasa pakai alat pelitup separuh muka (penutup hidung dan mulut atau *facemask*);
- f) Jika tidak memakai *facemask*, tutup mulut dan hidung anda menggunakan tisu apabila batuk atau bersin);
- g) Sentiasa amalkan adab batuk yang baik;
- h) Sekiranya perlu keluar rumah (misalnya untuk ke klinik), pakai *facemask* dan elakkan dari tempat-tempat yang sesak;

- i) Elakkan penggunaan kenderaan awam, sekiranya perlu, sila pastikan anda memakai *facemask*;
- j) Elakkan perkongsian peralatan makanan dan penjagaan diri seperti berus gigi dengan individu serumah yang lain;
- k) Cuci peralatan makanan yang digunakan dengan air dan cecair pencuci sebelum digunakan semula;
- l) Pastikan pengudaraan rumah dalam keadaan baik dengan membuka tingkap;

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**

**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**16 JULAI 2020**

**5.00 PETANG**

**MAKLUMAT TAMBAHAN****1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

Kes Terdahulu	<b>583</b>	Kes sedang dirawat di hospital	<b>12</b>	<b>2.05%</b>
Kes Baharu	<b>1</b>	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	<b>0</b>	<b>0.00%</b>
Jumlah Individu Disampel	<b>59,729</b>	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	<b>1</b>	<b>0.17%</b>
Kes Positif Keseluruhan	<b>584</b>	Jumlah kes kematian	<b>18</b>	<b>3.08%</b>
IR per 100,000 penduduk	<b>18.93</b>	Kes telah sembuh dan discaj	<b>554</b>	<b>94.86%</b>
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	<b>19</b>	<b>8,124</b>	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	<b>14</b>
Menunggu keputusan	<b>7</b>	<b>12</b>		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sib	Hospital Bintulu	Hospital Miri	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	9	1	2	0	12
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	0	0	1	0	1
Jumlah kes kematian	16	0	0	2	18
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0
	Kumulatif	469	32	22	31
Jumlah Kumulatif memasuki semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	8	2	0	19

DAERAH KUNING (2)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Samarahan	0	524	0	99	0	94	0	4	1	1
2	Kuching	8	5,675	1	348	0	329	0	11	8	9
Jumlah		8	6,199	1	447	0	423	0	15	9	10

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (38)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Bintulu	1	266	0	24	0	22	0	0	2	2
2	Sibu	0	104	0	9	0	8	0	0	1	1
3	Simunjan	0	58	0	8	0	8	0	0	0	0
4	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0
5	Serian	0	297	0	21	0	21	0	0	0	0
6	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0
7	Lundu	0	238	0	1	0	1	0	0	0	0
8	Bau	0	158	0	5	0	5	0	0	0	0
9	Limbang	0	28	0	9	0	8	0	1	0	0
10	Miri	3	767	0	23	0	22	0	1	0	0
11	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0
12	Sri Aman	2	44	0	3	0	2	0	1	0	0
13	Betong	0	174	0	16	0	16	0	0	0	0
14	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0
15	Mukah	0	38	0	1	0	1	0	0	0	0
16	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0
17	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0
18	Saratok	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Lubok Antu	0	20	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	29	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	12	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>6</b>	<b>2,521</b>	<b>0</b>	<b>137</b>	<b>0</b>	<b>131</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>3</b>

<b>Jumlah Besar</b>	<b>14</b>	<b>8,720</b>	<b>1</b>	<b>584</b>	<b>0</b>	<b>554</b>	<b>0</b>	<b>18</b>	<b>12</b>	<b>13</b>
---------------------	-----------	--------------	----------	------------	----------	------------	----------	-----------	-----------	-----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak



**Kluster yang telah dikenalpasti.**

Bil.	Kluster	Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Tamat	
1	<b>Kluster Kuching Conference</b>	0	191	22 June, 2020	
2	<b>Kluster Seri Petaling</b>	0	115	10 June, 2020	
2a	Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu)	41	<b>Sub-kluster dan kes-kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling</b>	3 June, 2020	
2b	Sub-Kluster Debak, Betong	10		15 May, 2020	
2c	Sub-Kluster Sibul	4		10 June, 2020	
2d	Sub-Kluster Bintulu	2		12 May, 2020	
2e	Sub-Kluster Limbang	7		26 May, 2020	
2f	Sub-Kluster Kecil Kuching	7		12 May, 2020	
2g	Sub-Kluster Kecil Samarahan	10		3 June, 2020	
2h	Sub-Kluster Kecil Serian	3		3 June, 2020	
2i	<b>Sporadik</b>				
	i) Betong	6		15 May, 2020	
	ii) Samarahan	1		2 May, 2020	
	iii) Serian	1		6 June, 2020	
	iv) Kuching	9		12 May, 2020	
	v) Bintulu	2		18 April, 2020	
	vi) Miri	8	24 May, 2020		
	vii) Mukah	2	13 April, 2020		
viii) Limbang	2	26 May, 2020			
3	<b>Kluster PUI Itali</b>	0	65	30 May, 2020	
4	<b>Kluster Petugas Kesihatan Kuching</b>	0	68	6 June, 2020	
5	<b>Kluster Kidurong</b>	0	8	Active	
6	<b>Kluster Tapak Pembinaan Kuching</b>	0	3	Active	
7	<b>Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching</b>	0	2	Active	
8	<b>Kluster-kluster kecil</b>	0	63	-	
9	<b>Sporadik kes</b>	1	50	-	
10	<b>Kes import</b>	0	19	-	
11	<b>Masih dalam siasatan dan kes baru</b>	0	0	-	
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>	<b>584</b>		

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **30** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **10 buah hotel** adalah seramai **475 orang**.

Manakala seramai **18,714 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 16.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>HOTEL</b>	<b>BILANGAN PUS</b>
1	Kuching	Harvour View	118
2	(335)	Riverside (Astana Wing)	217
3	Miri	Eastwood Valley	30
4	(67)	Meritz	32
5		Dynasty	5
6	Bintulu	Wasan Inn	15
7	(17)	Motel Kapok	2
8	Limbang	Purnama	17
9	(19)	Mandarin	2
10	Sibu (37)	Premier	37
<b>Jumlah PUS</b>			<b>475</b>

### 3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **2 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,377 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 16.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	432
2	Miri	246
3	Bintulu	110
4	Samarahan	103
5	Sarikei	99
6	Sibu	89
7	Limbang	74
8	Betong	48
9	Serian	46
10	Mukah	45
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
<b>Jumlah</b>		<b>1,377</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Pada hari ini, sebanyak **30 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 16.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	3
2	MP Kota Samarahan	1
3	MD Serian	3
4	MD Bau	1
5	MD Sri Aman	4
6	MP Sibul	10
7	BDA	1
8	MB Miri	5
9	MD lawas	2
<b>Jumlah</b>		<b>30</b>